

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 16 JUN 2016 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Melaka bakal jadi bandar raya pintar	Berita Harian
2.	Mimos dan Mictb bekerjasama untuk bangunkan bandar raya pintar Melaka	BERNAMA
3.	Technology Park Malaysia sumbang keperluan komputer kepada SMK Raja Perempuan Kelsom	BERNAMA

**KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (WILAYAH) : MUKA SURAT 31  
TARIKH : 16 JUN 2016 (KHAMIS)**

# Melaka bakal jadi bandar raya pintar

• MICTH guna pakai teknologi MIMOS laksana projek

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan  
fhatihah@bh.com.my

■ Ayer Keroh

**M**elaka bakal menjadi bandar raya pintar pertama di peringkat negeri apabila bermulanya kemudahan infrastruktur ber teknologi tinggi dalam tempoh dua tahun lagi.

Kemudahan pintar berkonsepkan ekosistem inovasi ter buka pusatan pengguna (user centric open innovation ecosystem) itu bakal direalisasikan menerus kerjasama anak syarikat kerajaan negeri, Melaka ICT Holdings Bhd (MICTH) dan agensi penyelidikan teknologi maklumat (ICT) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, MIMOS Bhd (MIMOS).

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron, berkata kedua-dua pihak berkenaan akan membangunkan kerangka inovasi ter buka sebagai platform industri bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan bandar raya pintar di negeri itu.

"Pihak MICTH akan meng guna pakai teknologi MIMOS dengan mengkaji ekosistem inovasi ter buka ke arah melaksanakan projek ini, manakala MIMOS pula berperanan sebagai penyedia teknologi dalam membangunkan kerangka inovasi ter buka."

"Pelaksanaan ini sekali gus dapat mengoptimumkan perkhidmatan perbandaran, meningkatkan kelancaran lalu lintas, pengangkutan awam lebih cekap dan mengurangkan impak negatif alam sekitar di Melaka," katanya.

**Sedia infrastruktur**  
Beliau berkata demikian selepas menyaksikan perjanjian persefahaman (MoU) antara MICTH dan MIMOS di Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka, semalam.

MICTH diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Zainal Abidin Ismail, manakala MIMOS oleh Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah.

Sementara itu, Abdul Wahab berkata, pihaknya akan membekalkan tiga teknologi terkini kepada MICTH yang akan dapat membantu membangunkan kemudahan infrastruktur pintar di negeri itu.

"Ia antaranya menyediakan infrastruktur dan utiliti yang boleh mewujudkan litaran di kawasan tertentu.

"Selain itu, perisian data analitik yang besar dan sistem aplikasi (large enterprise system) yang mampu menyokong proses penyediaan pelbagai perkhidmatan ini," katanya.



Pelaksanaan ini sekali gus akan dapat mengoptimumkan perkhidmatan perbandaran, meningkatkan kelancaran lalu lintas, pengangkutan awam lebih cekap dan mengurangkan impak negatif alam sekitar di Melaka"

**Idris Haron,**  
Ketua Menteri Melaka



[FOTO MUHAMMAD HATIM AB MANAN/BH]

**Idris menyaksikan pertukaran dokumen antara Zainal Abidin (tiga dari kiri) dan Abdul Wahab pada majlis menandatangi memorandum persefahaman (MoU) di Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka, semalam.**

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 16 JUN 2016 (KHAMIS)**



## **Mimos Dan Mictb Bekerjasama Untuk Bangunkan Bandar Raya Pintar Melaka**

MELAKA, 15 Jun (Bernama) -- **MIMOS Berhad (MIMOS)** dan anak syarikat kerajaan negeri Melaka iaitu Melaka ICT Holdings Sdn Bhd (MICTH) menjalin kerjasama untuk membangunkan bandar raya pintar di negeri ini.

**Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Datuk Abdul Wahab Abdullah** berkata syarikat itu akan memainkan peranan sebagai penyedia teknologi dengan membekalkan tiga teknologi asas iaitu liputan telekomunikasi, analisis data dan pembangunan sistem peringkat kementerian.

Melalui kerjasama itu juga, MIMOS akan membangunkan 'kerangka inovasi terbuka' iaitu platform yang membenarkan penyertaan industri dalam bandar raya pintar tersebut.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 16 JUN 2016 (KHAMIS)**



## **Technology Park Malaysia Sumbang Keperluan Komputer Kepada SMK Raja Perempuan Kelsom**

KUALA KANGSAR, 15 Jun (Bernama) -- **Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM)** menyumbang lima buah komputer, sebuah mesin pencetak serta menaja pakej internet selama tiga tahun bernilai lebih RM30,000 kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Raja Perempuan Kelsom di sini.

**Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Mohd Azman Shahidin** berkata sumbangan tersebut sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) agensi itu membantu pelajar sekolah berasrama berkenaan meningkatkan pengetahuan dan keupayaan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Untuk menjadi negara berstatus negara maju, Malaysia perlu mencapai kejayaan dan mempunyai kelebihan daya saing dalam pasaran global dengan memberi tumpuan serta menggalakkan generasi muda akan kepentingan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik pendidikan (STEM).